

UMNO Kelantan janji hapus cukai bakul
Utusan Online
December 5, 2011

BACHOK 4 Dis. - Badan Perhubungan UMNO Kelantan berjanji akan menghapuskan cukai perniagaan kecil yang dikenali sebagai 'cukai bakul' sekiranya rakyat memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional (BN) untuk mentadbir negeri ini pada Pilihan Raya Umum Ke-13 kelak.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, pembelaan perlu dilakukan segera memandangkan ribuan peniaga kecil di Kelantan kini menghadapi masalah untuk melunaskan bayaran cukai itu berikutan hasil jualan yang semakin merosot.

"Cukai bakul sering menimbulkan masalah kepada para peniaga kerana ia dikutip setiap hari.

"Pendapatan mereka hanya cukup makan sahaja sehingga menyukarkan untuk membayar hasil cukai bakul kepada kerajaan negeri," katanya ketika ditemui di Majlis Mesra Rakyat di Kampung Seneng dekat sini, hari ini.

Awang Adek yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata, ini adalah janji pembelaan terhadap peniaga kecil dan ia adalah sebagai ulangan sebagaimana yang terdapat dalam manifesto BN pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Katanya, fenomena ketiadaan peningkatan yang memberangsangkan dalam perkembangan ekonomi di Kelantan disebabkan kegagalan kerajaan negeri untuk mencari punca pendapatan baru terutama menarik pelabur asing ke negeri ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_12.htm